

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (FITNAH), 1999

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran, gelaran panjang dan pengenaaan.
2. Tafsiran.
3. Pernyataan siaran.
4. Perkataan-perkataan yang mentohmah tidak suci atau berzina.
5. Fitnah lisan yang menjejaskan reputasi rasmi, profesional atau perniagaan.
6. Fitnah lisan terhadap hakmilik, dll.
7. Fitnah yang tidak disengajakan.
8. Justifikasi.
9. Ulasan saksama.
10. Permintaan maaf dalam pengurangan ganti rugi.
11. Laporan prosiding kehakiman.
12. Perlindungan bersyarat suratkhobar.
13. Pengenaan Perintah kepada penyiaran.
14. Pengehadan perlindungan pada masa pilihanraya.
15. Perjanjian untuk tanggung rugi.
16. Keterangan mengenai ganti rugi lain yang didapat oleh plaintif.
17. Penyatuan tindakan kerana fitnah bertulis.
18. Taksiran berasingan ganti rugi dalam kes-kes tertentu dalam tindakan kerana fitnah bertulis.

19. Pengasingan pembelaan.
20. Penyatuan tindakan kerana fitnah lisan, dll.
21. Pengecualian.
22. Bukti sabit kesalahan.

JADUAL – Pernyataan suratkhobar yang mempunyai perlindungan bersyarat.

Bil. S 40

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (FITNAH), 1999

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh ceraihan (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran,
gelaran panjang
dan pengenaan.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Fitnah), 1999.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah berhubung dengan fitnah bertulis dan fitnah lisan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya".

(3) Perintah ini dikenakan kepada sebarang pernyataan yang dibuat pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"siaran melalui telekomunikasi" bermakna penyiaran bagi penerimaan umum melalui telekomunikasi;

"suratkhabar" bermakna sebarang kertas yang mengandungi berita awam atau pemerhatian ke atasnya atau mengandungi keseluruhannya atau sebahagian besarnya iklan yang dicetak untuk dijual dan disiarkan di Negara Brunei Darussalam sama ada secara berkala atau dalam bahagian atau bilangan pada selangan waktu tidak melebihi 36 hari;

"telekomunikasi" bermakna sebarang sistem bagi penghantaran, pemancaran atau penerimaan semua jenis tanda, isyarat, tulisan, imej dan bunyi melalui gelombang radio, wayar, kabel atau sistem elektromagnet yang lain;

"perkataan-perkataan" termasuk gambar, imej visual, gerak isyarat dan cara lain untuk menyatakan maksud.

Pernyataan
siaran.

3. Bagi maksud undang-undang fitnah bertulis dan fitnah lisan, penyiaran perkataan-perkataan melalui telekomunikasi hendaklah disifatkan sebagai penyiaran dalam bentuk tetap.

4. Perkataan-perkataan yang dituturkan dan disiarkan yang mentohmah mana-mana orang tidak suci atau berzina tidak menghendaki kerugian khas untuk menjadikannya boleh diambil tindakan. Perkataan-perkataan yang mentohmah tidak suci atau berzina.
5. Dalam suatu tindakan kerana fitnah lisan berkaitan dengan perkataan-perkataan yang dikira menghina plaintif dalam mana-mana jawatan, profesion, pekerjaan, perdagangan atau perniagaan yang dipegang atau dijalankan olehnya pada masa penyiaran itu, maka tidaklah perlu untuk mengatakan atau membuktikan kerugian khas sama ada atau tidak perkataan-perkataan itu dituturkan mengenai plaintif berhubung dengan jawatan, profesion, pekerjaan, perdagangan atau perniagaannya. Fitnah lisan yang menjejaskan reputasi rasmi, profesional atau perniagaan.
6. (1) Dalam sebarang tindakan kerana fitnah lisan terhadap hakmilik, fitnah lisan terhadap barang-barang atau kepalsuan niat jahat yang lain, maka tidaklah perlu untuk mengatakan atau membuktikan kerugian khas — Fitnah lisan terhadap hakmilik, dll.
- (a) jika perkataan-perkataan yang ke atasnya tindakan itu diasaskan dikira menyebabkan kerugian wang kepada plaintif dan disiarkan secara bertulis atau dalam bentuk tetap yang lain; atau
- (b) jika perkataan-perkataan tersebut dikira menyebabkan kerugian wang kepada plaintif berkaitan dengan sebarang jawatan, profesion, pekerjaan, perdagangan atau perniagaan yang dipegang atau dijalankan olehnya pada masa penyiaran itu.
- (2) Bab 3 dikenakan bagi maksud bab ini sebagaimana ia dikenakan bagi maksud undang-undang fitnah bertulis dan fitnah lisan.
7. (1) Seseorang yang telah menyiarkan perkataan-perkataan yang dikatakan sebagai fitnah terhadap orang lain boleh, jika dia mendakwa bahawa perkataan-perkataan itu disiarkan olehnya dengan ikhlas berhubung dengan orang lain itu, membuat tawaran penyelesaian di bawah bab ini; dan dalam sebarang hal tersebut — Fitnah yang tidak disengajakan.
- (a) jika tawaran itu diterima oleh pihak yang terkilan dan sempurna dilaksanakan, tiada prosiding kerana fitnah bertulis atau fitnah lisan boleh diambil atau diteruskan oleh pihak itu terhadap orang yang membuat tawaran tersebut berkaitan dengan penyiaran yang berkenaan itu (tetapi tanpa menjejaskan sebarang alasan tindakan terhadap mana-mana orang lain yang bertanggungjawab bersesama bagi penyiaran itu);
- (b) jika tawaran itu tidak diterima oleh pihak yang terkilan, maka, kecuali sebagaimana diperuntukkan sebaliknya oleh bab ini, adalah menjadi suatu pembelaan, dalam sebarang prosiding olehnya kerana fitnah bertulis atau fitnah lisan terhadap orang yang

membuat tawaran itu berkaitan dengan penyiaran yang berkenaan itu, untuk membuktikan bahawa perkataan-perkataan yang diadukan itu telah disiarkan oleh defendan dengan ikhlas berhubung dengan plaintif dan bahawa tawaran itu telah dibuat dengan seberapa segera yang boleh selepas defendan menerima notis bahawa perkataan-perkataan itu adalah atau mungkin berupa fitnah terhadap plaintif, dan belum ditarik balik.

(2) Suatu tawaran penyelesaian di bawah bab ini mestilah dinyatakan dibuat bagi maksud-maksud bab ini, dan mestilah disertakan dengan suatu affidavit yang menyatakan fakta-fakta yang disandarkan oleh orang yang membuatnya untuk menunjukkan bahawa perkataan-perkataan yang berkenaan itu telah disiarkan olehnya dengan ikhlas berhubung dengan pihak yang terkilan itu; dan bagi maksud-maksud suatu pembelaan di bawah cerai (1)/b) tiada keterangan, selain dari keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalam affidavit itu, boleh diterima bagi pihak orang itu untuk membuktikan bahawa perkataan-perkataan itu telah disiarkan demikian.

(3) Suatu tawaran penyelesaian di bawah bab ini hendaklah difahamkan sebagai bermakna suatu tawaran —

(a) dalam sebarang hal, untuk menyiarkan atau turut sama dalam menyiarkan suatu pembetulan yang bersesuaian mengenai perkataan-perkataan yang diadukan itu, dan permintaan maaf yang memadai kepada pihak yang terkilan itu berkaitan dengan perkataan-perkataan tersebut.

(b) jika salinan-salinan suatu dokumen atau rekod yang mengandungi perkataan-perkataan tersebut telah diedarkan oleh atau dengan pengetahuan orang yang membuat tawaran itu, untuk mengambil langkah-langkah yang boleh dilaksanakan dengan munasabah di pihaknya untuk memberitahu orang-orang yang kepadanya salinan-salinan telah diedarkan demikian bahawa perkataan-perkataan itu dikatakan sebagai fitnah terhadap pihak yang terkilan itu.

(4) Jika suatu tawaran penyelesaian di bawah bab ini diterima oleh pihak yang terkilan itu —

(a) sebarang persoalan tentang langkah-langkah yang akan diambil untuk menunaikan tawaran yang diterima demikian hendaklah jika tiada perjanjian di antara pihak-pihak itu dirujuk kepada dan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi, yang keputusannya adalah muktamad;

(b) kuasa mahkamah untuk membuat perintah tentang kos dalam prosiding oleh pihak yang terkilan itu terhadap orang yang membuat tawaran berkaitan dengan penyiaran yang berkenaan itu, atau dalam prosiding berkaitan dengan tawaran di bawah perenggan (a), hendaklah termasuk kuasa untuk memerintahkan supaya orang yang membuat tawaran tersebut membayar kepada pihak yang terkilan itu kos berasaskan tanggung rugi dan sebarang perbelanjaan yang ditanggung dengan munasabah atau akan ditanggung oleh pihak itu akibat dari penyiaran yang berkenaan itu;

dan jika tiada prosiding yang disebutkan di atas diambil, Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan yang dibuat oleh pihak yang terkilan itu, membuat sebarang perintah bagi pembayaran kos dan perbelanjaan yang disebutkan di atas yang boleh dibuat dalam prosiding tersebut.

(5) Bagi maksud-maksud bab ini, perkataan-perkataan hendaklah disifatkan sebagai disiarkan oleh seorang (disebut dalam cerai ini sebagai penyiar) dengan ikhlas berhubung dengan orang lain jika dan hanya jika syarat-syarat yang berikut dipenuhi —

(a) bahawa penyiar tidak berniat untuk menyiarkan perkataan-perkataan mengenai dan berkenaan dengan orang lain itu, dan tidak mengetahui hal keadaan yang menurutnya perkataan-perkataan itu mungkin difahamkan sebagai merujuk kepadanya; atau

(b) bahawa perkataan-perkataan itu tidak berupa fitnah pada zahirnya, dan penyiar tidak mengetahui hal keadaan yang menurutnya perkataan-perkataan itu mungkin difahamkan sebagai fitnah terhadap orang lain itu;

dan dalam salah satu hal bahawa penyiar berhati-hati dengan munasabah berhubung dengan penyiaran itu; dan sebarang sebutan dalam cerai ini kepada penyiar hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan kepada mana-mana pekerja atau ejennya yang ada kena-mengena dengan isi kandungan penyiaran itu.

(6) Cerai (1)(b) hendaklah tidak dikenakan berhubung dengan penyiaran oleh mana-mana orang akan perkataan-perkataan yang dia bukan pengarangnya melainkan jika dia membuktikan bahawa perkataan-perkataan itu ditulis oleh pengarang tersebut tanpa niat jahat.

8. Dalam suatu tindakan kerana fitnah bertulis atau fitnah lisan berkaitan dengan perkataan-perkataan yang mengandungi dua atau lebih tuduhan berlainan terhadap plaintif, suatu pembelaan justifikasi tidaklah gagal hanya dengan sebab bahawa kebenaran tiap-tiap pertuduhan tidak

Justifikasi.

dibuktikan jika perkataan-perkataan itu tidak dibuktikan sebagai benar tidak banyak menjejaskan reputasi plaintif dengan memberi perhatian kepada kebenaran pertuduhan-pertuduhan yang selebihnya.

Ulasan
saksama.

9. Dalam suatu tindakan kerana fitnah bertulis atau fitnah lisan berkaitan dengan perkataan-perkataan yang mengandungi sebahagiannya tuduhan fakta dan sebahagiannya luahan pendapat, suatu pembelaan ulasan saksama tidaklah gagal hanya dengan sebab bahawa kebenaran tiap-tiap tuduhan fakta tidak dibuktikan jika luahan pendapat itu adalah ulasan saksama dengan memberi perhatian kepada fakta-fakta yang dikatakan atau disebut dalam perkataan-perkataan yang diadakan sebagaimana yang dibuktikan.

Permintaan
maaf dalam
pengurangan
ganti rugi.

10. (1) Dalam sebarang tindakan kerana fitnah defendan boleh (selepas notis secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian sempurna diberikan kepada plaintif pada masa pernyataan bertulis kesnya difailkan) memberi dalam keterangan, dalam pengurangan ganti rugi, bahawa dia membuat atau menawarkan permintaan maaf kepada plaintif kerana fitnah tersebut sebelum tindakan itu dimulakan atau, jika tindakan itu dimulakan sebelum ada peluang untuk membuat atau menawarkan permintaan maaf tersebut, sebaik saja selepas itu dia mempunyai peluang untuk berbuat demikian.

(2) Dalam suatu tindakan kerana fitnah bertulis yang terkandung dalam sebarang suratkhobar, mana-mana defendan yang telah membayar wang ke dalam mahkamah di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan prosedur sivil boleh menyatakan dalam pengurangan ganti rugi, dalam pernyataan bertulis kesnya, bahawa fitnah bertulis tersebut telah dimasukkan dalam suratkhobar itu tanpa niat jahat sebenar dan tanpa kecuaiian melampau dan bahawa, sebelum tindakan itu dimulakan atau pada peluang terawal selepas itu, dia memasukkan atau menawarkan untuk memasukkan dalam suratkhobar tersebut suatu permintaan maaf sepenuhnya bagi fitnah bertulis itu, atau, jika suratkhobar yang di dalamnya fitnah bertulis itu terdapat hendaklah biasanya disiarkan pada selangan waktu melebihi satu minggu, telah menawarkan untuk menyiarkan permintaan maaf tersebut dalam sebarang suratkhobar yang dipilih oleh plaintif dalam tindakan itu.

Laporan
prosiding
kehakiman.

11. (1) Suatu laporan yang berpatutan dan tepat dan semasa mengenai prosiding yang didengar secara terbuka di hadapan mana-mana mahkamah yang menjalankan secara sah kuasa kehakiman di dalam Negara Brunei Darussalam dan mengenai penghakiman, hukuman atau keputusan mana-mana mahkamah tersebut hendaklah terlindung secara mutlak, dan sebarang ulasan saksama dan *bona fide* mengenainya hendaklah dilindungi, walaupun penghakiman, hukuman atau keputusan tersebut kemudiannya dimansuhkan, dibatalkan atau diubah, melainkan

jika pada masa penyiaran laporan atau ulasan tersebut defendan yang menuntut perlindungan yang diberikan oleh bab ini mengetahui atau sepatutnya mengetahui pemansuhan, pembatalan atau perubahan itu.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh membenarkan penyiaran sebarang perkara kufur, hasutan atau lucah atau sebarang perkara yang penyiarannya dilarang oleh undang-undang.

12. (1) Tertakluk kepada bab ini, penyiaran dalam suratkhobar sebarang laporan atau perkara lain yang disebutkan dalam Jadual hendaklah terlindung melainkan jika penyiaran itu dibuktikan dibuat dengan niat jahat.

Perlindungan
bersyarat
suratkhobar.
Jadual.

(2) Dalam suatu tindakan kerana fitnah bertulis berkaitan dengan penyiaran sebarang laporan atau perkara yang disebutkan dalam Bahagian II dari Jadual, bab ini tidaklah menjadi suatu pembelaan jika dibuktikan bahawa defendan telah diminta oleh plaintif untuk menyiarkan dalam suratkhobar di mana penyiaran asal telah dibuat suatu surat atau pernyataan dengan munasabah sebagai penjelasan atau sangkalan, dan telah enggan atau lalai berbuat demikian, atau telah berbuat demikian dengan cara yang tidak mencukupi atau tidak munasabah dengan memberi perhatian kepada semua hal keadaan.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai melindungi penyiaran sebarang perkara kufur, hasutan atau lucah atau sebarang perkara yang penyiarannya dilarang oleh undang-undang, atau sebarang perkara yang bukan urusan orang ramai dan yang penyiarannya bukan untuk faedah orang ramai.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai mengehadkan atau mengurangkan sebarang perlindungan yang ada sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini.

13. (1) Peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah dikenakan berhubung dengan laporan-laporan atau perkara-perkara yang disiarkan melalui telekomunikasi sebagai sebahagian dari sebarang program atau perkhidmatan yang diberikan melalui stesen penyiaran di dalam Negara Brunei Darussalam, dan berhubung dengan sebarang penyiaran melalui telekomunikasi akan sebarang laporan atau perkara tersebut, sebagaimana ia dikenakan berhubung dengan laporan-laporan dan perkara-perkara yang disiarkan dalam suatu suratkhobar dan penyiaran dalam suatu suratkhobar.

Pengenaan
Perintah
kepada
penyiaran.

(2) Bab 10(2) hendaklah berkuatkuasa berhubung dengan penyiaran tersebut seolah-olah perkataan-perkataan "untuk memasukkan dalam suratkhobar tersebut" digantikan dengan perkataan-perkataan "untuk menyiarkan dengan cara yang sama" dan bab 12(2)

hendaklah berkuatkuasa berhubung dengan sebarang penyiaran tersebut, seolah-olah perkataan-perkataan "dalam suratkhobar di mana" digantikan dengan perkataan-perkataan "dengan cara di mana".

(3) Dalam bab ini, "stesen penyiaran" bermakna mana-mana stesen telekomunikasi yang dibenarkan oleh undang-undang, atau yang berkaitan dengannya suatu lesen diberikan di bawah sebarang undang-undang bertulis yang membenarkan stesen itu, untuk memberikan perkhidmatan penyiaran bagi penerimaan umum.

Pengehadan perlindungan pada masa pilihanraya.

14. Suatu pernyataan fitnah yang disiarkan oleh atau bagi pihak seseorang calon dalam mana-mana pilihanraya kepada mana-mana badan yang dipilih atau separa dipilih hendaklah tidak dianggap sebagai disiarkan pada waktu terlindung atas alasan bahawa adalah mustahak kepada persoalan yang menjadi isu dalam pilihanraya itu, sama ada atau tidak orang yang menyiarkannya layak untuk mengundi pada pilihanraya itu.

Perjanjian untuk tanggung rugi.

15. Suatu perjanjian untuk menanggung rugi mana-mana orang dari liabiliti sivil kerana fitnah bertulis berkaitan dengan penyiaran sebarang perkara adalah tidak menyalahi undang-undang melainkan jika pada masa penyiaran tersebut orang itu mengetahui bahawa perkara itu adalah fitnah, dan tidak mempercayai dengan munasabah ada pembelaan yang baik terhadap sebarang tindakan yang dibawa ke atasnya.

Keterangan mengenai ganti rugi lain yang didapat oleh plaintif.

16. Dalam sebarang tindakan kerana fitnah bertulis atau fitnah lisan, defendan boleh memberi keterangan untuk mengurangkan ganti rugi bahawa plaintif telah mendapat ganti rugi atau telah membawa tindakan bagi mendapatkan ganti rugi, kerana fitnah bertulis atau fitnah lisan berkaitan dengan penyiaran perkataan-perkataan yang bermaksud sama dengan perkataan-perkataan yang atasnya tindakan itu diasaskan, atau telah menerima atau bersetuju untuk menerima pampasan berkaitan dengan sebarang penyiaran tersebut.

Senyatuan tindakan kerana fitnah bertulis.

17. (1) Apabila suatu permohonan dibuat oleh dua orang defendan atau lebih dalam tindakan berkaitan dengan fitnah bertulis yang sama atau sebahagian besarnya sama dengan yang dibawa oleh seorang dan orang yang sama, mahkamah atau hakim boleh membuat suatu perintah bagi menyatukan tindakan-tindakan tersebut supaya ia boleh dibicarakan bersama.

(2) Selepas sebarang perintah itu dibuat dan sebelum perbicaraan tindakan-tindakan tersebut, defendan-defendan dalam sebarang tindakan baru yang dimulakan berkaitan dengan fitnah bertulis yang sama atau sebahagian besarnya sama hendaklah juga berhak supaya disatukan dalam suatu tindakan bersama atas permohonan bersama oleh defendan-defendan baru itu dan defendan-defendan dalam tindakan-tindakan yang telah pun disatukan itu.

(3) Mahkamah atau hakim boleh, dalam hal fitnah bertulis yang sama atau sebahagian besarnya sama yang disiarkan serentak dalam beberapa suratkhbar atau disalin tidak lama selepas penyiaran, memberi notis kepada plaintif dalam sebarang tindakan atau tindakan-tindakan yang berbangkit dari fitnah bertulis tersebut bahawa suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis tersebut akan dibenarkan bagi penzahiran sebarang penyiaran lanjut mengenai fitnah bertulis itu supaya keseluruhan tindakan yang berbangkit dari fitnah bertulis itu boleh dibicarakan bersama, dan selepas tamatnya tempoh tersebut tiada tindakan lanjut boleh dimulakan berkaitan dengan penyiaran fitnah bertulis itu kecuali bagi mendapatkan ganti rugi khas.

(4) Dalam suatu tindakan yang disatukan di bawah bab ini, keseluruhan jumlah ganti rugi (jika ada) hendaklah ditaksir dalam satu jumlah tetapi suatu penghakiman berasingan hendaklah diberikan berkaitan dengan tiap-tiap defendan dengan cara yang sama seolah-olah tindakan-tindakan yang disatukan itu telah dibicarakan secara berasingan.

(5) Jumlah ganti rugi yang ditaksir itu hendaklah dibahagikan di antara defendan-defendan yang terhadapnya penghakiman telah diberikan, dan jika kos diberikan kepada plaintif mahkamah boleh membuat perintah sebagaimana yang difikirkannya adil dengan membahagikan kos di antara defendan-defendan tersebut.

18. Apabila dalam suatu tindakan kerana fitnah bertulis plaintif mendakwa lebih daripada seorang defendan, sama ada bersesama, berasingan, atau secara alternatif, dan keterangan diberikan mengenai niat jahat seorang defendan atau mengenai sebarang perkara lain yang memburukkan yang tidak boleh diterima sebagai keterangan terhadap mana-mana defendan lain jika dia didakwa berseorangan, defendan lain itu boleh memohon kepada mahkamah supaya ganti rugi terhadap dirinya dan defendan-defendan bersamanya ditaksir secara berasingan, dan jika permohonan tersebut dibuat mahkamah hendaklah menaksir ganti rugi secara berasingan terhadap tiap-tiap defendan dan tiada defendan boleh bertanggung atau tiada pelaksanaan boleh dikeluarkan terhadapnya bagi sebarang ganti rugi lanjut atau lain dari yang ditaksir terhadapnya itu.

Taksiran berasingan ganti rugi dalam kes-kes tertentu dalam tindakan kerana fitnah bertulis.

19. Apabila dalam sebarang tindakan kerana fitnah bertulis plaintif mendakwa lebih daripada seorang defendan, sama ada bersesama, berasingan, atau secara alternatif, tiap-tiap defendan boleh memfailkan suatu pernyataan berasingan kesnya dan hadir semasa perbicaraan melalui peguam yang berasingan atau, jika difikirkannya patut, meminta maaf atau membayar wang ke dalam mahkamah atau membuat penyelesaian lain, walau apa pun pembelaan yang disediakan oleh defendan-defendan bersamanya, dan plaintif boleh menerima permintaan

Pengasingan pembelaan.

maaf, wang, atau penyelesaian lain itu dan menyelesaikan atau mengkompromi guaman itu dan memberhentikan tindakan itu di antara dirinya dan seorang defendan atau lebih tanpa merujuk kepada defendan-defendan lain:

Dengan syarat bahawa hak dan kepentingan defendan atau defendan-defendan lain hendaklah tidak terjejas dalam apa jua cara.

Penyatuan tindakan kerana fitnah lisan, dll.

20. Bab-bab 17, 18 dan 19 hendaklah dikenakan kepada tindakan kerana fitnah lisan dan fitnah lisan terhadap hakmilik, fitnah lisan terhadap barang-barang dan kepalsuan niat jahat yang lain sebagaimana ia dikenakan kepada tindakan kerana fitnah bertulis dan sebutan dalam mana-mana bab itu kepada fitnah bertulis yang sama atau sebahagian besarnya sama hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Pengecualian.

21. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini menjejaskan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang lain berhubung dengan kesalahan-kesalahan jenayah atau yang mengenakan kepada sebarang pendakwaan bagi suatu kesalahan jenayah.

Bukti sabit kesalahan.

22. (1) Dalam suatu tindakan kerana fitnah bertulis atau fitnah lisan di mana persoalan sama ada seseorang ada melakukan atau tidak melakukan suatu kesalahan jenayah adalah berkaitan dengan suatu isu yang berbangkit dalam tindakan itu, bukti bahawa, pada masa apabila isu itu kena diputuskan, orang itu didapati sabit atas kesalahan tersebut, hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa dia telah melakukan kesalahan itu; dan penyabitan kesalahannya boleh diterima sebagai keterangan dengan sewajarnya.

(2) Isi kandungan sebarang dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan tentang penyabitan kesalahan itu, tanpa menjejaskan penerimaan sebarang keterangan lain yang boleh diterima, untuk mengenal pasti fakta-fakta yang atasnya penyabitan kesalahan itu diasaskan, boleh diterima sebagai keterangan untuk mengenal pasti fakta-fakta itu.

(3) Jika isi kandungan suatu dokumen boleh diterima menurut ceraihan (2), salinan dokumen itu, yang dikatakan diakui oleh mahkamah yang berkenaan hendaklah dianggap sebagai salinan sebenar dokumen itu, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

JADUAL

Bab 12.

**PERNYATAAN SURATKHABAR YANG MEMPUNYAI
PERLINDUNGAN BERSYARAT****BAHAGIAN I****PERNYATAAN YANG TERLINDUNG TANPA PENJELASAN
ATAU SANGKALAN**

1. Suatu laporan yang berpatutan dan tepat mengenai prosiding —
 - (a) secara terbuka badan perundangan mana-mana bahagian Komanwel di luar Negara Brunei Darussalam;
 - (b) secara terbuka suatu pertubuhan antarabangsa di mana Kerajaan adalah anggotanya;
 - (c) secara terbuka suatu persidangan antarabangsa di mana Kerajaan menghantar seorang wakil;
 - (d) di hadapan mana-mana mahkamah yang menjalankan bidang kuasa di seluruh mana-mana bahagian Komanwel di luar Negara Brunei Darussalam atau mahkamah tentera yang diadakan di luar Negara Brunei Darussalam di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam atau di bawah sebarang Akta United Kingdom; dan
 - (e) secara terbuka suatu badan atau orang yang dilantik untuk mengadakan suatu siasatan awam oleh Kerajaan mana-mana bahagian Komanwel di luar Negara Brunei Darussalam.
2. Satu salinan yang berpatutan dan tepat sebarang daftar atau cabutan dari sebarang daftar yang disimpan menurut sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam yang terbuka untuk pemeriksaan oleh orang ramai atau yang orang ramai berhak untuk mencarinya atau sebarang dokumen lain yang dikehendaki oleh sebarang undang-undang tersebut supaya terbuka untuk pemeriksaan oleh orang ramai atau di mana orang ramai berhak mendapatkan satu salinannya setelah suatu bayaran dibayar.
3. Suatu notis, iklan atau laporan yang dikeluarkan atau disiarkan oleh atau dengan kebenaran mana-mana mahkamah di dalam Negara Brunei Darussalam atau mana-mana hakim atau pegawai mahkamah tersebut atau oleh mana-mana pegawai awam atau penerima atau pemegang amanah yang bertindak menurut kehendak-kehendak sebarang undang-undang bertulis.

BAHAGIAN II

PERNYATAAN YANG TERLINDUNG TERTAKLUK KEPADA
PENJELASAN ATAU SANGKALAN

1. Suatu laporan yang berpatutan dan tepat mengenai pendapat atau keputusan mana-mana persatuan yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam bagi maksud —

(a) memajukan atau menggalakkan perjalanan atau sebarang kepentingan dalam mana-mana seni, sains, ugama atau pembelajaran; atau

(b) memajukan atau melindungi kepentingan sebarang perdagangan, perniagaan, industri atau profesion atau orang yang menjalankannya atau terlibat di dalamnya atau kepentingan sebarang permainan, sukan atau kegiatan masa lapang yang orang ramai dijemput atau diterima masuk untuk bermain atau menjalankannya,

jika —

(c) pendapat atau keputusan itu berkaitan dengan seseorang yang menjadi anggota atau tertakluk kepada kawalan persatuan itu menurut sebarang kontrak; dan

(d) persatuan itu diberi kuasa oleh perlembagaannya untuk menjalankan kawalan ke atas atau untuk membuat keputusan tentang perkara-perkara yang disebut dalam pendapat atau keputusan itu.

2. Suatu laporan yang berpatutan dan tepat mengenai prosiding pada sebarang mesyuarat awam yang diadakan di Negara Brunei Darussalam, iaitu mesyuarat *bone fide* dan diadakan secara sah bagi suatu maksud yang sah dan bagi pelanjutan atau perbincangan sebarang perkara yang menjadi perhatian orang ramai, sama ada penerimaan masuk ke mesyuarat itu umum atau terhad.

3. Suatu laporan yang berpatutan dan tepat mengenai prosiding pada sebarang mesyuarat atau persidangan di mana-mana bahagian Negara Brunei Darussalam mengenai —

(a) mana-mana suruhanjaya, tribunal, jawatankuasa atau orang yang dilantik bagi maksud sebarang siasatan oleh atau di bawah sebarang undang-undang; atau

(b) mana-mana tribunal, lembaga, suruhanjaya, jawatankuasa, atau badan lain sama ada diperbadankan atau tidak ditubuhkan dan menjalankan tugas-tugas menurut atau di bawah sebarang undang-undang bertulis dalam atau di bawah mana-mana waran atau kuasa lain yang sah bagi maksud-maksud awam,

iaitu mesyuarat atau persidangan di mana wakil-wakil suratkhbar atau orang ramai yang lain tidak dibenarkan masuk.

4. Suatu laporan yang berpatutan dan tepat mengenai prosiding pada mesyuarat agung di mana saja diadakan mana-mana syarikat berhad atau perbadanan di mana saja didaftarkan yang perniagaannya dalam apa jua cara bersangkutan langsung dengan Negara Brunei Darussalam, atau mana-mana syarikat yang ditubuhkan, didaftarkan atau diperbadankan di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang bukannya syarikat swasta dalam makna Akta Syarikat-Syarikat.

Penggal 39.

5. Satu salinan atau suatu laporan yang berpatutan dan tepat atau ringkasan sebarang notis atau perkara lain yang dikeluarkan untuk makluman orang ramai oleh atau bagi pihak Kerajaan atau oleh mana-mana pegawai awam atau pihak berkuasa.

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 17 haribulan Ogos, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM